

Suspek tak sempat edar ganja

Empat lelaki diberkas di tempat letak kereta pusat beli-belah


Sinar 2/7/12 MS 20

**NUR FARHANA
ABDUL MANAN**

SUBANG JAYA – Belum sempat menikmati hasil jualan ganja yang dibawa, empat lelaki dicekup sepasukan anggota polis Cawangan Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya, petang Isnin lalu.

Difahamkan, gerak geri suspek berjaya dihidu sepasukan anggota yang membuat intipan di sebuah pusat beli-belah terkenal di Sunway di sini kira-kira jam 5.45 petang.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Yahaya Ramli berkata, bertindak atas maklumat, anggota membuat intipan dan mengesan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Mitsubishi Triton yang masuk



JUN KEAT

ke tempat letak kereta pusat beli-belah berkenaan.

Katanya, empat lelaki berada dalam kereta masing-masing tiga warga tempatan dan seorang lagi warga Syria.

Katanya, seorang daripada suspek ditahan berhampiran kereta manakala tiga lagi diberkas di kawasan kedai dalam



KEK KEONG

bangunan pusat beli-belah.

"Kenderaan digunakan suspek diperiksa dan lima ketulan ganja mampat seberat 4,658 gram bernilai hampir RM11,500 ditemui dalam sebuah beg diletakkan di bahagian tengah antara kerusi pemandu dan penumpang bahagian depan.



YONG TING

"Keempat-empat suspek berusia 23 hingga 26 tahun ditahan dan hasil ujian air kencing dijalankan mendapati kesemuanya positif ganja," katanya.

Dalam perkembangan lain, Yahaya meminta kerjasama orang ramai mengesan tiga lelaki bagi membantu siasatan kes curi kenderaan di USJ, Subang



Yahaya (tengah) menunjukkan sebahagian ganja mampat yang ditemui dalam kenderaan empat suspek di Sunway.

Jaya, 1 Julai lalu.

"Lelaki berkenaan adalah Chui Jun Keat beralamat terakhir di Taman Koperasi Cuepacs Batu 12 Cheras, Lee

Kek Keong dari Subang Indah Petaling Jaya dan Chan Yong Ting dari Taman Selayang Jaya Batu Caves, Selangor," katanya.